

# Arafat lobi pemerhati ke Tebing Barat, Gaza

BH-26 AUG 2001

PUTRAJAYA: Presiden Palestin Yasser Arafat berkata beliau sedang melobi masyarakat antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Liga Arab supaya menghantar pemerhati antarabangsa ke Palestin untuk membantu mewujudkan keamanan di wilayah itu.

Arafat, yang dalam lawatan kali kedua ke Malaysia tahun ini, berkata pemerhati antarabangsa perlu ditempatkan di Tebing Barat dan Gaza bagi membantu menghentikan keganasan sejak 11 bulan lalu yang mengorbankan lebih 700 nyawa.

Beliau bercakap pada sidang

media selepas perjumpaan sejam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana di sini, petang semalam.

Arafat berkata Palestin menerima semua usaha perdamaian yang dicapai sebelum ini termasuk Paris, Oslo, Camp David, Lisbon dan Athens tetapi hasilnya setakat ini ialah peningkatan keganasan oleh tentera Israel ke atas penduduk Palestin.

Rombongan tujuh anggota yang diketuai Arafat itu singgah di sini untuk memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru Asia Barat.